

26 MAY 2002

DR MAHATHIR TERIMA PELAWAAN JUMPA POPE

PUTRAJAYA, 26 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau setuju menerima undangan untuk berjumpa dengan Pope John Paul II di Vatican bulan depan.

"Bila ada mesyuarat kabinet, kita sahkan," kata Perdana Menteri kepada pemberita di sini tanpa menyatakan tarikh pertemuan itu akan diadakan.

Beliau dijangka bertemu ketua penganut Roman Katolik itu di Vatican City bulan depan sempena dengan lawatan Perdana Menteri ke Switzerland and Luxembourg dari 9 sehingga 12 Jun ini.

Dr Mahathir ditemui pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak Fazilah bin Lazim, seorang daripada pegawai pengiring beliau, di Precint 9 di sini.

Sebelum ini, agensi berita Reuters melaporkan bahawa Dr Mahathir telah diundang ke Vatican oleh Pope John Paul II, dan Perdana Menteri berkata beliau akan memaklumpkannya kepada kabinet.

Pelbagai pihak menyambut baik pertemuan yang bakal diadakan itu kerana ia dapat menguatkan lagi hubungan antara penganut Islam dengan Roman Katolik, sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa.

-- BERNAMA
AT AKT MAI